



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI JOHOR,
TINGKAT 8 DAN 11, LOT 20485,
MENARA TABUNG HAJI,
JALAN AYER MOLEK,
80720 JOHOR BAHRU.

Telefon : 07-2249244/2239318
Faks : 07-2239322
Laman web : www.anm.gov.my

Ruj. Kami : JANM.JHR.100-1/6/1 (8)
Tarikh : 7 Februari 2023
16 Rejab 1444H

**KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB
JABATAN PERSEKUTUAN NEGERI JOHOR**

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI JOHOR
BIL. 6 TAHUN 2023 : TEMPOH PROSES PEMBAYARAN DI PERINGKAT PUSAT
TANGGUNGJAWAB (PTJ) DAN PEJABAT PERAKAUNAN (AO)**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan Minit Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan Bil 2 Tahun 2020 bertarikh 25 Ogos 2020 adalah juga berkaitan.

2. Sepertimana YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Arahan Perbendaharaan 103(a) telah menetapkan semua bil dan tuntutan bayaran hendaklah dibayar dengan segera tidak lewat dari empat belas (14) hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna. Tempoh empat belas hari (14) tersebut perlu mengambilkira empat (4) proses bayaran secara keseluruhannya yang perlu dilaksanakan oleh PTJ dan Pejabat Perakaunan (AO) iaitu proses Sedia dan Peraku 1, Semak AO, Peraku 2 dan *Payment Run*.

3. Selaras dengan keputusan Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan Bil 2 Tahun 2020, penetapan KPI bagi tempoh proses pembayaran di peringkat PTJ dan Pejabat Perakaunan (AO) adalah seperti berikut:

Proses Bayaran	KPI PTJ / AO (Hari Kalender)
Arahan Pembayaran Sedia dan Peraku 1	PTJ – 5 hari
Semak Pejabat Perakaunan (AO)	AO – 3 hari
Peraku 2	PTJ – 3 hari
<i>Payment Run</i> dan ZIAP 512	AO – 3 hari
JUMLAH	14 HARI

4. Sehubungan itu, YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan hendaklah mengambil maklum bahawa penetapan tempoh proses pembayaran ini adalah terpakai kepada semua PTJ dan selaras dengan keperluan pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan 103(a).

5. Kerjasama YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi pegawai di Unit Pengurusan Dana melalui telefon: 07-2249244 atau secara emel: dana_jhr@anm.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(MASAYU BINTI MUSTAFA c.A.(M))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Johor